

1. Penyertaan Malaysia di Expo Milano pelaburan membuaikan hasil - Najib

MILAN: Langkah Malaysia menyertai Expo Milano 2015 adalah satu pelaburan yang membuaikan hasil bukan sahaja bagi sektor pelancongan tetapi juga perniagaan, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, selain meraih pulangan bagi tempoh jangka pendek dan juga jangka panjang, penyertaan Malaysia dalam ekspo terbesar dunia yang diadakan lima tahun sekali itu juga telah mendedahkan kepada negara Eropah terutamanya Itali mengenai peluang perniagaan dan pelaburan di Malaysia.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengakhiri lawatan kerjanya ke Milan selama tiga hari bermula Jumaat lalu.

Najib berkata, setakat ini seramai 2.4 juta orang telah mengunjung astaka Malaysia iaitu 15 peratus daripada jumlah keseluruhan pengunjung, yang mana ia mengatasi sasaran negara seramai 1.6 juta orang.

Expo itu yang bermula 1 Mei lepas akan berakhir pada 30 Oktober ini.

Kaji selidik sebuah akhbar tempatan, Corriere della Sierra, mendapati Malaysia adalah negara ketiga paling diminati pelawat untuk dikunjungi dalam ekspo itu.

"Tanggapan pengunjung terhadap Malaysia amat tinggi," katanya.

Selain itu, masakan dan produk masakan Malaysia juga menduduki tempat ketiga paling sedap selepas Itali dan Columbia dalam kaji selidik akhbar berkenaan.

"Malah penjualan makanan di Pavilion Malaysia mencatat RM1.7 juta sepanjang ekspo itu, sementara barang perusahaan kecil dan sederhana termasuk makanan sedia di masak mencatatkan RM1 juta," katanya.

Sementara itu, katanya, kayu berlapis gam yang digunakan dalam pembinaan Pavilion Malaysia turut mendapat akses ke negara-negara Kesatuan Eropah buat kali pertama berikutan ciri-cirinya yang mesra alam.

Najib berkata, langkah kerajaan menyertai ekspo itu adalah satu keputusan yang tepat.

"Kita perlu memperkenalkan profil Malaysia lebih kompetitif lagi serta mencari pelbagai kaedah untuk menonjolkan imej negara di negara-negara luar terutamanya di Eropah," katanya.

Tambahnya, Malaysia perlu menggandakan usaha yang bersepada dan berterusan dalam meningkatkan profil Malaysia di persada dunia.



Ahad, 4 Oktober 2015

2. Petronas Lubricants raih hasil satu bilion euro pelaburan di Itali

MILAN: Petronas Lubricants International (PLI), anak syarikat milik penuh Petronas, meraih hasil sebanyak satu bilion euro daripada pelaburannya di Itali, mencerminkan kejayaan berterusan syarikat minyak nasional itu sebagai pelabur global dalam pasaran antarabangsa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata PLI, yang mempunyai dua kilang di Itali dan kakitangan seramai 700 orang menguasai kira-kira 23 peratus bahagian pasaran di negara itu.

"Salah satu strategi yang diambil oleh Petronas adalah untuk mengaitkan minyak pelincirnya dengan Kereta kebanggaan Itali, iaitu Fiat.

"Apa juar kejayaan yang dicapai oleh PLI ada kaitan dengan penerimaan Petronas di Itali," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita Malaysia, di sini, Ahad, selepas mengakhiri lawatan kerja tiga harinya ke Milan sejak Jumaat lalu bagi menghadiri Expo Milano 2015.

Najib, yang berlepas pulang pada tengah hari Ahad, telah dijemput oleh Perdana Menteri Itali, Matteo Renzi tahun lalu untuk menghadiri expo terbesar dunia yang diadakan lima tahun sekali itu.

Expo itu yang bermula 1 Mei lalu akan berakhir pada 30 Oktober ini.

Najib, yang juga Menteri Kewangan berkata, Petronas berjaya menaikkan imej antarabangsa Malaysia.

Katanya, selain perbadanan multinasional dan syarikat besar, perusahaan kecil dan sederhana juga perlu membantu meningkatkan usaha memperlihatkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan dalam usaha menarik Itali.

Dari pada mesyuarat meja bulatnya dengan 12 ketua industri Itali dan dua ketua industri Switzerland pada Sabtu, Perdana Menteri berkata antara cadangan yang dikemukakan mereka adalah usahawan Malaysia perlu terbabit dengan lebih agresif bersama komuniti perniagaan Itali dan Switzerland.

"Ini selain keperluan untuk meningkatkan usaha memperlihatkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan terbaik di Itali," katanya.

Najib berkata mereka juga mencadangkan Malaysia berusaha lebih agresif dalam menangani kempen anti minyak sawit di Eropah.

Beliau berkata ahli perniagaan berkongsi pengalaman positif mereka semasa menjalankan perniagaan di Malaysia dan menghargai hubungan baik dengan kerajaan. - BERNAMA



Rabu, 7 Oktober 2015

3. Rizab antarabangsa BNM sebanyak AS\$93.3b pada akhir September

KUALA LUMPUR: Rizab Antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah AS\$93.3 bilion (RM415.1 bilion) pada 30 September 2015.

Pada 15 September, rizab BNM berjumlah AS\$95.3 bilion (RM360.1 billion).

BNM dalam satu kenyataan hari ini berkata, paras rizab itu memadai untuk membiayai 8.6 bulan import tertangguh dan 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Mengikut BNM, penurunan paras rizab dalam dolar Amerika Syarikat pada 30 September 2015 disebabkan terutamanya oleh pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula tukaran asing.

Komponen utama rizab antarabangsa adalah Rizab Mata Wang Asing (AS\$85.2 bilion), kedudukan Rizab Dana Monetari Antarabangsa (AS\$0.8 bilion), Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (AS\$1.8 bilion), emas (AS\$1.4 bilion) dan lain-lain Aset Rizab (AS\$4.1 bilion).

Aset berkenaan termasuk Kertas Kerajaan Malaysia (RM2.34 bilion), deposit dengan institusi kewangan (RM478.27 juta), pinjaman dan pendahuluan (RM6.9 bilion) dan aset-aset lain (RM14.35 bilion), tambahnya.

Modal dan liabiliti terdiri daripada modal berbayar (RM100 juta), rizab (RM141.6 bilion), Mata Wang dalam Edaran (RM84.6 bilion), deposit oleh institusi kewangan (RM151.9 bilion), deposit kerajaan persekutuan (RM6.5 bilion), lain-lain deposit (RM827.3 juta), Kertas BNM (RM24.5 bilion), Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (RM8.3 bilion) dan liabiliti-liabiliti lain (RM22.9 bilion).



Khamis, 8 Oktober 2015

4. Pasukan petugas khas siasat 1MDB tidak pernah dibubar - Peguam Negara

PUTRAJAYA: Pasukan petugas khas bagi menjalankan siasatan terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak pernah dibubarkan dan siasatan yang dilakukan oleh agensi yang menganggotai pasukan itu tidak dihentikan atau terhalang.

Jabatan Peguam Negara dalam satu kenyataan petang ini merujuk kepada kenyataan dikeluarkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja bagi pihak Raja-Raja Melayu, kelmarin yang mahu kerajaan menyelesaikan secepat mungkin siasatan berkaitan 1MDB.

"Merujuk kepada kenyataan itu dan sebelum sebarang kenyataan atau komen negatif diberikan terhadap Jabatan Peguam Negara, ingin ditegaskan bahawa Pasukan Petugas Khas siasatan 1MDB tidak pernah dibubarkan dan pihak kami tidak pernah mengeluarkan kenyataan yang bermaksud sedemikian (pembubaran)."

"Peguam Negara sentiasa memantau dan memberi arahan kepada agensi yang berkenaan apabila setiap kali siasatan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara, termasuk arahan untuk mempercepatkan siasatan."

"Sehingga kini Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih belum menyelesaikan siasatan mereka berikutan kenyataan beberapa saksi utama masih belum direkodkan," kata kenyataan itu.



Khamis, 8 Oktober 2015

5. Ekonomi dunia suram, kerajaan fokus inisiatif perjanjian perdagangan - MITI

KUALA LUMPUR: Keadaan ekonomi dunia yang suram mendorong kerajaan untuk bekerja lebih keras dalam inisiatif perjanjian perdagangan termasuk Perkongsian Trans-Pasifik (TPP).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan kini berdepan pelbagai cabaran luar sebagaimana yang dapat dilihat dalam unjuran pertumbuhan perdagangan dunia tahun ini yang kurang daripada tiga peratus.

"Dalam tempoh empat tahun lalu, pertumbuhan perdagangan dunia kurang daripada pertumbuhan KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) dunia, jadi adalah lebih penting sekarang untuk tampil dengan pasaran terbuka," katanya ditemui pada klinik penyelesaian masalah ASEAN Pathfinder Malaysia yang julung kali diadakan di sini, hari ini.

Yang turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Ketua Pegawai Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) Datuk Seri Idris Jala.

Selain daripada TPP, Mustapa berkata Malaysia juga sedang mengusahakan Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Kesatuan Eropah (Malaysia-EU FTA).

Klinik untuk syarikat-syarikat Malaysia itu akan bertindak sebagai model bagi ASEAN dan persediaan klinik penyelesaian masalah lain yang akan diadakan di pasaran ASEAN, katanya.

Bagi keseluruhan projek ASEAN Pathfinder, beliau berkata kira-kira 100 syarikat SUDAH dipilih dalam kalangan 10 negara anggota ASEAN untuk mengambil bahagian dalam proses

penyelesaian masalah secara langsung antara kerajaan dengan kerajaan (*G2G*) dan berstruktur di setiap destinasi ASEAN.

Beliau berkata, pembabitan berkenaan akan dijalankan secara "gaya klinik" di mana setiap syarikat akan bertemu dengan agensi-agensi berkaitan secara individu dan secara berasingan.

"Satu pasukan petugas bersama yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan yang dikenal pasti dari setiap negara anggota ASEAN akan membantu memudahkan tugas ini," katanya.

Beliau berkata, pada akhir proses, pelan tindakan untuk menghapuskan halangan perdagangan dan pelaburan yang dihadapi oleh setiap syarikat akan didokumenkan, bersama-sama dengan mekanisme pemantauan untuk memastikan akauntabiliti dan pelaksanaan.

"Dengan menghadapi isu-isu secara berdepan dan berurusan dengan mereka secara kerjasama, kita berharap proses itu boleh menjana idea dan membantu mengubah minda yang boleh diterjemahkan ke dalam rangka kerja dasar masa depan ASEAN dan mod operasi," tambahnya.

Mustapa menggesa pihak-pihak yang mengambil bahagian agar melihatnya melangkaui sempadan serta menganggap diri mereka sebagai satu, bersatu dengan persamaan dalam matlamat, nilai dan aspirasi.

Beliau juga menggesa sektor awam supaya meningkatkan usaha untuk memudahkan proses dan mengurangkan karenah birokrasi serta belajar daripada kesilapan satu sama lain dan berkongsi

6. Arul Kanda sedia hadiri prosiding PAC mengenai 1MDB

KUALA LUMPUR: Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1Malaysia Development Bhd (1MDB), Arul Kanda, berkata beliau bersedia untuk menghadiri prosiding Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) dan jawapan beliau menjadi sebahagian daripada rekod awam.

Beliau berkata, tidak perlu bagi beliau untuk "berbohong atau menyembunyi" apa yang telah berlaku pada masa lalu, seperti yang didakwa oleh mereka yang membuat dakwaan sensasi untuk agenda politik sendiri.

"Oleh itu, saya berharap untuk disoal secara terperinci mengenai perkara ini pada prosiding PAC akan datang dan jawapan saya menjadi sebahagian daripada rekod awam, bagi menyelesaikan perkara ini," kata Arul Kanda.

Mengikut laporan sebelum ini, prosiding PAC mengenai 1MDB ditangguhkan kepada suatu tarikh yang belum ditetapkan. Tarikh-tarikh yang ditetapkan sebelumnya ialah pada 4,5,6,17 Ogos dan 18 serta 8 dan 10 September 2015.

PAC kini hanya mempunyai sembilan anggota selepas empat yang lain termasuk pengurus, telah dilantik menjadi anggota Kabinet pada 29 Julai.

Pelantikan pengurus PAC dan anggotanya dijadual dibuat selepas anggota Jawatankuasa Pemilih, yang bertanggungjawab untuk melantik anggota PAC, digantikan dan dilantik semasa sesi Parlimen akan datang yang bermula pada 19 Oktober 2015.

"Sebagai Presiden, saya menjawab kepada lembaga pengarah dan para pemegang saham 1MDB. Rekod prestasi saya yang baik membuktikannya dan hanya agenda profesional saya untuk menangani cabaran dalam 1MDB," katanya.

Arul Kanda berkata demikian dalam satu kenyataan akhbar dua muka surat yang antara lain menjawab dakwaan terbaru daripada Sarawak Report, blog yang kini diharamkan di Malaysia, yang mendakwanya berbohong mengenai wang tunai di bank dalam artikel terbarunya.

Beliau berkata, walaupun Sarawak Report telah menerbitkan beberapa dokumen yang didakwa ada kaitan dengan 1MDB sebelum ini: "Saya boleh mengesahkan bahawa - dalam kes

ini - ia seolah-olah telah menerbitkan satu dokumen 1MDB yang sah, iaitu minit mesyuarat lembaga pengarah pada 12 Januari 2015.

Arul Kanda berkata, ia adalah mesyuarat lembaga pengarah 1MDB pertama yang beliau hadiri, yang diadakan genap seminggu selepas beliau menyertai syarikat itu pada 5 Januari 2015.

Pada mesyuarat itu, beliau mengakui bahawa beliau menyatakan kepada lembaga pengarah, berdasarkan pemahaman beliau mengenai peristiwa-peristiwa yang berlaku sebelum beliau, bahawa penebusan unit dana dibuat secara tunai bagi sejumlah AS\$940 juta.

Bagaimanapun, apabila siasatan lanjut dan pengesahan, adalah jelas bahawa ini adalah salah faham, yang kemudiannya beliau jelaskan kepada lembaga pengarah dan Kementerian Kewangan.

Penjelasan ini jelas dicatatkan dalam minit mesyuarat lembaga pengarah berikutnya dan boleh disahkan, katanya.

"Pada 13 Januari 2015, saya mengesahkan melalui satu kenyataan media bahawa baki AS\$1.11 bilion telah ditebus, sepenuhnya. Malangnya, tidak dibuat secara jelas, adalah bahawa penebusan berlaku sebahagiannya secara tunai dan sebahagiannya melalui jualan unit dana, dengan bayaran tunai tertangguh.

Beliau berkata, perbezaan yang penting inilah yang menyebabkan salah tafsir kenyataan beliau, pertama dalam satu wawancara media pada 9 Februari 2015 dan kemudiannya oleh Kementerian Kewangan, dalam jawapan di Parlimen pada 12 Mac 2015.

"Saya telah menerangkan secara terperinci mengenai urutan peristiwa kepada Jabatan Audit Negara dan kepada juruaudit 1MDB, Deloitte, sebagai sebahagian daripada kajian terperinci dan profesional mereka bagi transaksi 1MDB sebelumnya.

"Selain itu, saya dengan secara terbuka mengambil tanggungjawab penuh pada Jun 2015 bagi salah faham mengenai perkara ini," katanya.

Isnin, 12 Oktober 2015

7. Pegawai polis dituduh rasuah lulus tender bekal makanan

KOTA KINABALU: Seorang pegawai kanan polis mengaku tidak bersalah terhadap tuduhan menggunakan kedudukannya untuk meluluskan tender membekalkan makanan di lokap Kota Kinabalu pada April tahun lalu ketika dihadapkan di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah, di sini, sebentar tadi.

Asisten Komisioner Abdul Razak Abdul Ghani, 54, yang ketika itu bertugas sebagai Ketua Jabatan Logistik, Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) Sabah, didakwa meluluskan tender bernilai RM432,000 itu kepada sebuah syarikat yang dimiliki anak saudaranya.

Dia yang diwakili peguam Zahir Shah mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Indra Ayub selepas pertuduhan dibacakan oleh pegawai mahkamah.

Berdasarkan fakta kes, Abdul Razak melakukan kesalahan itu pada jam 11.30 pagi, 1 April tahun lalu di Bilik Mesyuarat Pejabat Pesuruhjaya Polis Sabah di IPK Kepayan, Kota Kinabalu.

Dia dituduh secara rasuah menggunakan jawatan atau kedudukannya iaitu sebagai Ahli 1 dalam Mesyuarat Penilaian dan Pemilihan Sebutharga Bilangan KPD Kota Kinabalu No 2 / 2014 iaitu dengan terbabit memilih syarikat anak saudaranya untuk mendapatkan tender membekal makanan lokap dari 1 Mei 2014 hingga 30 April 2016.

Kes disiasat mengikut Seksyen 23, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Tertuduh dikenakan jaminan sebanyak RM20,000 dengan RM5,000 deposit tunai bersama seorang penjamin tempatan.

Selasa, 20 Oktober 2015

8. 4 bank Islam bentuk konsortium sebagai platform pelaburan

KUALA LUMPUR: Empat bank Islam Malaysia; Affin Islamic Bank Bhd, Bank Islam Malaysia Bhd, Bank Muamalat Malaysia Bhd dan Maybank Islamic Bhd membentuk konsortium bagi membangunkan platform pelbagai bank untuk memasarkan produk akaun pelaburan.

Konsortium yang dikenali sebagai Raeed Holdings Sdn Bhd (Raeed), dimiliki secara sama rata oleh keempat-empat bank Islam berkenaan.

Lembaga Pengarah syarikat Raeed terdiri daripada Ketua-ketua Pegawai Eksekutif empat bank terbabit.

Pengerusi Raeed, Datuk Zamani Abdul Ghani, berkata penubuhan konsortium itu adalah inisiatif penting dalam industri kewangan Islam Malaysia.

"Ini adalah kali pertama bank-bank Islam di Malaysia bersatu dan menubuhkan entiti untuk melaksanakan aktiviti perniagaan berkepentingan bersama," katanya menerusi satu kenyataan hari ini.

Zamani ialah Pengerusi Bank Islam dan bekas timbalan gabenor Bank Negara Malaysia.

Di peringkat awal, Raeed sudah menubuhkan anak syarikat milik penuh, IAP Integrated Sdn Bhd, bagi membangunkan dan mengurus platform pelbagai bank yang dikenali sebagai Platform Akaun Pelaburan (IAP) yang diumumkan dalam Bajet 2015.

IAP akan berperanan sebagai platform pelbagai bank berpusat yang membolehkan pelabur berpotensi mengkaji dan memilih pelbagai projek teroka keempat-empat bank berkenaan.

IAP akan menyediakan pembiayaan baharu untuk usahawan yang mempunyai projek yang baik dan berdaya maju serta peluang untuk sektor swasta dan pelabur awam dan institusi untuk membiayai projek masing-masing.

9. Kaji semula langkah berkaitan harta tanah dalam Bajet 2016 - REHDA

KUALA LUMPUR: Saranan mengkaji semula langkah-langkah berkaitan jualan harta tanah di Malaysia dikemukakan oleh Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan dan Hartanah Malaysia (REHDA) sebagai harapan untuk Bajet 2016.

Bagi memudahkan pembelian rumah di negara ini, REHDA berkata, bank perlu memperkenalkan skim mesra pembeli rumah yang baharu terutamanya bagi pembeli kali pertama untuk harga rumah sehingga RM500,000.

Presidennya, Datuk Seri Fateh Iskandar Mohamed Mansor, berkata sebahagian daripada langkah itu yang diumumkan kerajaan dalam Bajet 2014 memberi kesan negatif kepada keupayaan pembeli untuk mendapatkan pembiayaan.

"Bank perlu membenarkan beberapa bentuk fleksibiliti.

"Kriteria untuk kelulusan pinjaman perlu lebih mudah, dan fleksibiliti harus diberikan, terutamanya untuk pembeli rumah kali pertama dan harga rumah sehingga RM500,000," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

REHDA turut mengemukakan lima cadangan lain, penggunaan Sistem Bangunan Berindustri (IBS), pelepasan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) untuk rumah mampu milik dan harta tanah kawalan, semakan dasar kuota Bumiputera, pengurangan kos menjalankan perniagaan untuk industri, dan peningkatan penawaran rumah mampu milik.

"Dengan banyak syarikat dan badan kini berusaha menyediakan rumah mampu milik di negara ini, kerajaan juga perlu mempertimbangkan untuk mewujudkan sebuah badan tunggal untuk melihat rumah berharga RM100,000 hingga RM500,000, dan rumah berharga RM100,000 dan ke bawah," katanya.

10. Bayaran imbuhan, bonus 1MDB adalah sulit - PM

KUALA LUMPUR: Imbuhan dan bonus yang dibayar kepada eksekutif tertinggi 1Malaysia Development Bhd (1MDB) adalah sulit dan peribadi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata 1MDB adalah syarikat yang tertakluk di bawah Akta Syarikat 1965, dengan sebarang perjanjian yang dimeterai syarikat itu adalah sulit dan peribadi.

"Ini termasuklah kontrak pekerjaan antara syarikat dan pekerjanya," kata Najib dalam jawapan bertulis kepada Dr Ko Chung Sen (DAP-Kampar) di Dewan Rakyat hari ini.

Ko bertanyakan soalan mengenai imbuhan tahunan dan bonus yang dibayar kepada Pengurus, Ketua Pegawai Eksekutif dan ahli lembaga pengarah 1MDB sejak ia ditubuhkan pada 2009.

Dalam jawapan bertulis berkaitan, Najib yang juga Menteri Kewangan berkata jumlah terperinci hasil tahunan, perbelanjaan dan penyata untung dan rugi serta aliran tunai yang dibuat oleh 1MDB, dimuatkan dalam Penyata Kewangan 1MDB yang telah diaudit sejak 2009.

Beliau berkata jumlah itu difaiklan setiap tahun di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Beliau berkata, maklumat terperinci berkaitan Penyata Kewangan 1MDB yang telah diaudit, boleh dimuat-turun di laman web SSM.

Najib berkata, 1MDB dan anak syarikat milik penuhnya telah mendapat pengecualian cukai pendapatan, termasuk dividen, bagi tempoh 10 tahun, selaras dengan Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.

"Bagaimanapun, bagi anak syarikat lain yang diperoleh 1MDB, tidak mendapat pengecualian tersebut," katanya.

Ko bertanyakan hasil tahunan, perbelanjaan dan penyata untung dan rugi 1MDB sejak 2009 serta jumlah aliran tunai tahunan selain cukai yang dibayar setiap tahun sejak 2009

Rabu, 21 Oktober 2015

11. Isu hutang, aliran tunai 1MDB akan selesai: PM

KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Bhd (1MDB) akan dapat membayar hutang dan menyelesaikan isu aliran tunainya jika pelan rasionalisasi yang sedang dijalankan berjaya dilaksanakan tanpa halangan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, syarikat pembangunan strategik milik penuh kerajaan itu menempuh tempoh yang sangat mencabar termasuk pelbagai siasatan.

"Langkah konkret sedang dilaksanakan bagi menangani isu-isu ini, termasuk pelan rasionalisasi yang akan menurunkan paras hutangnya.

"Jika (pelan rasionalisasi) dibenarkan berjalan tanpa halangan, ia akan membolehkan syarikat membayar hutang dan menyelesaikan isu aliran tunai," katanya pada Forum Transformasi Global, di sini hari ini.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata: "Kita perlu menunggu hasil siasatan, dan jika ada bukti salah laku, saya akan memastikan bahawa tindakan paling tegas akan diambil ke atas mereka yang bertanggungjawab."

Dari segi dakwaan salah laku, Najib berkata ada banyak siasatan dilakukan, termasuk di Malaysia, 'yang saya sendiri arahkan.'

Dalam kenyataan baru-baru ini, 1MDB berkata pelan rasionalisasi sedang dilaksanakan, seperti dirancang.

Asas pelan itu antara lain, termasuk 'hutang untuk tukaran aset' dengan International Petroleum Investment Company (IPIC), jualan ekuiti dalam Edra Energy, jualan ekuiti dalam Bandar Malaysia, jualan tanah di TRX dan pelupusan aset bukan teras.

Keuntungan daripada pelan rasionalisasi ini akhirnya akan mengurangkan hutang 1MDB, ke tahap mampan dan boleh diurus menjelang suku keempat 2015.

Antara lain, 1MDB berjaya menjual lebih RM1 bilion nilai tanah di Tun Razak Exchange tahun ini.

Akhirnya, bidaan terikat akan diterima daripada pembida domestik dan antarabangsa yang disenarai pendek bagi kedua-dua Edra Energy dan Bandar Malaysia antara pertengahan dan

akhir Oktober 2015, dengan Perjanjian Jual Beli untuk kedua-dua aset dilaksanakan pada Disember 2015.

Menurut 1MDB, ia berjaya memenuhi, tanpa ingkar, obligasi perkhidmatan dan pembayaran faedah dan prinsipal, kepada peminjam domestik dan asing.

Kerajaan memberi jaminan ke atas RM5.8 bilion hutang 1MDB, dengan RM5 bilion matang pada 2039, dan menyediakan Surat Sokongan ke atas US\$3 bilion terbitan bon oleh 1MDB, yang matang pada 2023.

Pada kadar tukaran semasa, jumlah prinsipal hutang jangka panjang ini bernilai kira-kira RM18.7 bilion, katanya.



Rabu, 21 Oktober 2015

12. Pelaburan KWSP ke atas janakuasa 1MDB tidak terjejas

KUALA LUMPUR: Kementerian Kewangan berkata pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ke atas dua janakuasa milik 1Malaysia Development Bhd (1MDB) - Jimah Energy Ventures Sdn Bhd dan Panglima Power Sdn Bhd, tidak terjejas.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari Abdul Ghani, berkata pelaburan KWSP dalam dua janakuasa berkenaan adalah dalam bentuk bon, sebelum 1MDB menguasai dua janakuasa berkenaan.

"Saya tidak nampak operasi yang dikendalikan oleh Jimah Energy Ventures dan Panglima Power boleh menjelaskan kedudukan pelaburan KWSP kerana ia tidak secara langsung kepada 1MDB tetapi kepada syarikat yang beroperasi," katanya di Dewan Rakyat hari ini.

Johari berkata demikian menjawab soalan tambahan Nurul Izzah Anwar (PKR-Lembah Pantai) mengenai bagaimana Kementerian Kewangan dan kerajaan memastikan KWSP tidak terkesan akibat pendedahannya menerusi pelaburan dalam 1MDB.

"Kalau kita tengok, pelaburan KWSP ini sungguh terkawal. Pelaburan yang dibuat kepada Jimah Energy Ventures mempunyai kadar kupon sebanyak 7.7 peratus hingga 9.85 peratus.

“..kadar kupon bon pelaburan di Panglima Power antara 8.25 peratus dan 8.35 peratus. Kedudukan (penarafan) kedua-dua bon ini masing-masing pada AA3 dan AA1,” katanya.

Pada Mei lalu, Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Shahril Ridza Ridzuan, berkata bon RM200 juta yang dilanggan oleh KWSP pada 2009 tidak berisiko kerana ia dijamin oleh kerajaan.

Beliau berkata, pendedahan KWSP adalah membiayai kedua-dua loji kuasa melalui bon infrastruktur mudah masing-masing pada 2003 dan 2005, sebelum 1MDB mengambil alih syarikat-syarikat berkenaan pada 2012 dan tahun lalu.



PELABURAN KWSP ke atas dua janakuasa milik 1MDB - Jimah Energy Ventures Sdn Bhd dan Panglima Power Sdn Bhd, tidak terjejas



Jumaat, 23 Oktober 2015

13. MIER jangka KDNK 4.9 peratus pada 2015

KUALA LUMPUR: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) mengunjurkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sederhana kepada 4.9 peratus pada tahun ini dan meningkat sederhana antara 5.5 peratus dan 6.0 peratus pada 2016.

Pengarah Eksekutif, Dr Zakariah Abdul Rashid, berkata pertumbuhan KDNK pada tahun ini didorong oleh perbelanjaan sektor swasta, merangkumi penggunaan dan pelaburan.

"Pemulihan pasaran global dan harga minyak akan menjadi pemacu pertumbuhan Malaysia ke paras tersebut," katanya.

Eksport bersih pada tahun ini dijangka rendah berbanding tahun lalu, susut 6.8 peratus, diselubungi oleh pertumbuhan eksport yang perlahan dan pertumbuhan import barang dan perkhidmatan yang mapan.

Beliau berkata agregat permintaan domestik, terdiri daripada penggunaan awam dan swasta, dijangka sederhana sedikit, disokong oleh peningkatan yang sederhana dalam penggunaan awam, berikutan langkah pengurangan kos di bawah semakan semula Bajet 2015.

Katanya, unjuran MIER bagi pertumbuhan KDNK 2016 antara 5.5 dan 6.0 peratus, boleh dicapai jika eksport meningkat dengan ketara manakala harga minyak mentah pulih.

"Unjuran pertumbuhan kekal mapan, terutama dengan jurang pengeluaran mengecil kepada kira-kira sifar, manakala inflasi harga pengguna dijangka naik sedikit kepada 3.0 peratus berbanding inflasi yang agak rendah dianggarkan untuk tahun ini pada 2.5 peratus," katanya.



Jumaat, 23 Oktober 2015

14. Pengerusi PAC sokong cadangan angkat sumpah simpan rahsia

KUALA LUMPUR: Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Hasan Arifin menyokong cadangan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi supaya semua anggota PAC mengangkat sumpah menyimpan rahsia.

Hasan yang juga Anggota Parlimen Rompin bagaimanapun berkata ia terpulang kepada Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia untuk menetapkan sama ada semua anggota PAC perlu mengangkat sumpah atau tidak.

"Selaku Pengerusi PAC, saya menyerahkan kepada kuasa serta budi bicara Tan Sri Pandikar Amin Mulia dalam soal ini, berdasarkan kuasa yang diberikan sebagai Speaker Dewan Rakyat," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Ahmad Zahid semalam yang juga Ketua Whip Anggota Parlimen Barisan Nasional yang mencadangkan semua anggota PAC mengangkat sumpah simpan rahsia bagi memastikan maklumat serta dokumen siasatan jawatankuasa itu sentiasa terpelihara.

Menurut Ahmad Zahid, angkat sumpah rahsia itu bertujuan mengelakkan berlakunya kebocoran dokumen atau maklumat siasatan selain memastikan semua perkara yang dibincang dalam mesyuarat PAC tidak dibawa keluar.

Hasan berkata, PAC sentiasa terbuka kepada mana-mana cadangan daripada rakyat dan kumpulan termasuk parti politik bagi tujuan penambahbaikan jawatankuasa berkenaan.

Katanya, tugas serta tanggungjawab PAC tertakluk kepada Peraturan Dewan Rakyat dan menjadi tugas semua anggota jawatankuasa itu mematuhi peraturan dewan seperti yang ditetapkan serta bertanggungjawab pada Parlimen.

"Saya berharap semua anggota jawatankuasa PAC menyedari bahawa mereka tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat, yang secara jelas dan nyata menyatakan semua bukti yang dibawa di hadapan jawatankuasa ini perlu dibentangkan terlebih dahulu kepada Dewan Rakyat sebelum ia dijadikan dokumen awam," katanya.



Sabtu, 24 Oktober 2015

15. Kontrak untuk projek mega perlu lalui proses penilaian teliti

KUALA LUMPUR: Proses pemberian kontrak untuk projek infrastruktur mega perlu melalui penilaian yang teliti bagi memastikan Bajet 2016 terus menyokong syarikat Malaysia membangunkan keupayaan, terutama dalam sistem teknologi dan kecanggihan kereta api.

Ketua Pegawai Eksekutif CMC Engineering Sdn Bhd, Datuk Abdul Rahman Yusof, berkata bajet itu kritikal dan sensitif masa, oleh itu kontrak mesti diberikan kepada syarikat berkeupayaan, termasuk syarikat terkemuka tempatan yang sedia menerima pemindahan teknologi.

CMC ialah syarikat kejuruteraan sistem yang terbabit dalam projek kereta api di dalam dan luar negara.

"Bagi projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR), pihak berkuasa perlu memastikan penyertaan syarikat tempatan memandangkan rundingan kini masih berjalan di peringkat kerajaan dan kerajaan.

'Pemindahan teknologi sangat penting kepada penggiat tempatan, terutama dalam bidang risikan pengangkutan," katanya.

Pada Pemukiman Pemimpin Malaysia-Singapura 2013 di Singapura, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Razak dan rakan sejawatannya dari Singapura, Lee Hsien Loong bersetuju membangunkan projek HSR yang menghubungkan Kuala Lumpur dan republik itu.

Abdul Rahman juga berkata, Malaysia mesti menyasarkan untuk mengeksport perkhidmatan risikan dipacu teknologi kepada pasaran antarabangsa seperti ke Asia Barat.

"Namun, wujud beberapa cabaran yang perlu ditangani sebelum mengeksport perkhidmatan kita ke peringkat antarabangsa. Permintaan untuk pekerja mahir yang sepadan dengan projek kereta api mega itu masih tinggi, namun kita kekurangan bakat tempatan.

"Kita bergantung kepada rakan projek asing ...patut ada peruntukan dalam bajet pendidikan yang menyokong latihan untuk jurutera Malaysia yang menjadi aset semasa mengeksport perkhidmatan kita ke negara lain," katanya.

Bajet 2016, pertama dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), dibentangkan oleh Najib di Dewan Rakyat pada Jumaat.

Dalam bajet itu beliau mengumumkan bahawa pembinaan Mass Rapid Transit 2 Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya berharga RM28 bilion akan bermula pada suku kedua tahun depan dan dijangka siap pada 2022.

Abdul Rahman turut memuji usaha kerajaan menyokong sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana menerusi peruntukan sebanyak RM50 juta untuk Skim Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan PKS.

"Syarikat yang dipacu teknologi seperti CMC bergantung kepada pelbagai geran yang diumumkan dalam Bajet 2016. Oleh itu, erajaan perlu memastikan geran ini diagihkan kepada syarikat yang betul bagi memastikan objektifnya tercapai," katanya.

16. Prospek pertumbuhan kewangan Islam Malaysia dijangka terus kukuh – Zeti

KUALA LUMPUR: Prospek industri kewangan Islam Malaysia dijangka terus kukuh dan pertumbuhannya juga sejajar aspirasi negara untuk muncul sebagai hab global, kata Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.

"Ia (industri) yang akan terus berkembang. Dimensi antarabangsanya juga akan terus meningkat sejajar usaha kita untuk menjadi sebuah hab kewangan Islam global," katanya selepas menyampaikan sijil kepada graduan Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam (INCEIF) di sini, hari ini.

Zeti yang juga Canselor INCEF, menyifatkan konvokesyen membabitkan 248 graduan daripada 40 negara sebagai inisiatif bagi menyediakan modal insan cemerlang untuk memacu dan melonjakkan industri kewangan Islam.

Warga tempatan mewakili 55 peratus daripada graduan hari ini diikuti Somalia, Indonesia, Pakistan, Yemen, Brazil, Amerika Syarikat dan Jerman.

"Ini akan menjadi lonjakan besar industri ini yang berdepan rungutan kekurangan modal insan. Malah, inilah sebabnya kita menuahkan INCEIF.

"Ia adalah pelaburan Bank Negara dan ternyata mencapai semua yang kita harapkan bagi membangunkan modal insan serta melakukan tugas penyelidikan," katanya.

Malah, kata Zeti, Malaysia juga kian diiktiraf di peringkat dunia sebagai peneraju dalam bidang kewangan Islam.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INCEIF, Daud Vicary Abdullah, berkata Malaysia sememangnya diperakui sebagai peneraju bagi segenap aspek kewangan Islam termasuk perundangan, struktur tadbir urus, laporan bebas, sumber manusia serta instrumen pembangunan.

"Malah, Malaysia adalah dua kali ganda ke depan berbanding pesaing terdekatnya, baik dari segi infrastruktur untuk pembangunan dan sokongan bagi kewangan Islam," katanya.

Malaysia juga, kata Daud, perlu meneruskan usaha menghasilkan lebih ramai graduan berkualiti pelbagai negara dalam usaha penyebaran ilmu kewangan Islam berkenaan. - BERNAMA



Ahad, 25 Oktober 2015

17. Bajet RM17.304b fokus empat aspek pertahanan - Hishammuddin

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertahanan akan menumpukan penyaluran peruntukan RM17.304 bilion daripada Bajet 2016 kepada empat aspek utama, kata menterinya Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Ia merangkumi kebajikan anggota dan veteran tentera, keselamatan negara khususnya di Sabah, kesiapsiagaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta transformasi Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Hishammuddin berkata, keselamatan sempadan perairan Sabah akan tertumpu kepada fungsi Pangkalan Laut Tun Azizan dan Pangkalan Laut Tun Sharifah Rodziah, yang mula beroperasi sejak Mei lalu.

Beliau berkata, sejumlah peruntukan turut disalurkan dalam projek pasang pulih kapal selam Scorpene, selain penempatan 12 kenderaan perisai jenis AV8 GEMPITA di Kem Kukusan, Tawau.

"Kita juga akan menaik taraf Pangkalan Udara Labuan dan Lahad Datu sebagai asas untuk mewujudkan sistem keselamatan yang lebih rapi, khususnya mengikut aspek logistik.

"Malah, pengoperasian bot dan radar akan ditingkatkan, seiring dengan usaha menempatkan pesawat tempur, Hawk di Labuan.

"Ini tidak termasuk peruntukan berjumlah RM523 juta untuk pembangunan Kem Tentera Darat Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) di Felda Sahabat, Lahad Datu dan keperluan lain," katanya dalam kenyataan, di sini hari ini.

Keselamatan Sabah, tegasnya, tidak boleh terlalu bergantung kepada peruntukan sedia ada, sebaliknya berteraskan pendekatan luar kotak dan kreatif bagi memastikan agenda yang dirancang dapat dilaksanakan.

Katanya, contoh terdekat adalah pembinaan Pangkalan Laut Tun Azizan dan Pangkalan Laut Tun Sharifah Rodziah di perairan Sabah yang tidak menggunakan peruntukan kerajaan, sebaliknya diperoleh menerusi sumbangan pihak swasta.

"Hanya pengoperasian dan penyelenggaraan pangkalan laut berkenaan menggunakan peruntukan kerajaan. Malah, Pangkalan Laut Tun Sharifah Rodziah sendiri dibina di atas pelantar minyak terpakai dan kos pembinaannya disumbangkan PETRONAS.

"Pembinaan pangkalan laut ini adalah pendekatan pertama seumpamanya di dunia dan kini menjadi model pertahanan kepada negara-negara lain," katanya.

Dalam pada itu, Hishammuddin berkata, daripada jumlah peruntukan RM17.304 bilion yang diterima kementeriannya, RM13.457 bilion diagihkan untuk belanja mengurus manakala RM3.847 bilion bagi belanja pembangunan.



Selasa, 27 Oktober 2015

18. 4 projek baharu RMK-11 di Bintulu

KUALA LUMPUR: Kerajaan merancang empat projek baharu di Bintulu, Sarawak berkaitan keperluan untuk mempertingkatkan infrastruktur jalan utama di kawasan itu dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11).

Menteri Kerja Raya, Datuk Fadillah Yusof berkata projek itu adalah menaik taraf Jalan Tanjung Kidurong ke Samalaju Industrial Park (KM4-KM39); menaik taraf persimpangan di Jalan Nyabau, Jalan Kinda dan Bulatan Tanjung Kidurong; membina jejambat di persimpangan Jalan Medan-Jalan Tun Hussein Onn dan membina Jalan Ulu Pandan, Bintulu.

"Fasa pertama membabitkan pembinaan di kawasan Bintulu iaitu menaik taraf Persimpangan Jalan Nyabau ke Persimpangan Jalan Bakun sepanjang 43km dimulakan Mac lalu dan dijangka siap Disember 2017," katanya pada persidangan Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Tiong King Sing (BN-Bintulu) mengenai perancangan kementerian untuk menaik taraf atau meluaskan jalan raya sedia ada memandangkan jumlah

kenderaan besar semakin bertambah ekoran perkembangan dan pembangunan pesat di kawasan Bintulu sebagai kawasan perindustrian berat.

Fadillah berkata, di samping projek konvensional Jabatan Kerja Raya, kerajaan juga dalam masa yang sama sedang membina lebuhraya Pan Borneo di Sarawak melalui kaedah rakan pelaksana projek.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya ketika menjawab soalan Wong Ling Biu (DAP-Sarikei) mengenai keperluan pegawai perubatan di Hospital Sarikei, berkata terdapat 32 jawatan pegawai perubatan di hospital itu sehingga 31 Ogos lepas dengan pengisian 25 orang atau 78.1 peratus.

Beliau berkata bidang kepakaran yang ditawarkan oleh lima pegawai perubatan pakar di Hospital Sarikei adalah Perubatan Am, Perbidanan dan Sakit Puan, Anestesiologi, Oftalmologi dan Ortopedik.

Selain itu, katanya perkhidmatan kepakaran seperti Otorinolaringologi, Sakit Puan, Nefrologi, Psikiatri dan Ortopedik diberi secara berjadual oleh pakar perubatan dari Hospital Sibu dan Hospital Umum Sarawak.



Selasa, 27 Oktober 2015

19. Rizab antarabangsa kukuh, tampan kejutan ekonomi global

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata asas makroekonomi berdaya tahan dan rizab antarabangsa yang kukuh antara faktor menyokong pertumbuhan ekonomi negara serta menjadi penampang terhadap kejutan ekonomi global.

Beliau berkata, pada 30 September lalu, kedudukan rizab antarabangsa negara meningkat RM415.1 bilion berbanding RM357.7 bilion yang dicatat tahun lalu.

"Kedudukan itu mencukupi untuk menampung 8.6 bulan import tertangguh dan 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek," kata Najib yang juga Menteri Kewangan.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada Zuraida Kamaruddin (PKR-Ampang) yang ingin tahu sama ada ekonomi negara sedang bergerak ke arah yang lebih baik

memandangkan negara sedang mengalami kejatuhan rizab antarabangsa serta penyusutan nilai Ringgit.

Najib menegaskan, bahawa ekonomi negara kekal kukuh walaupun dalam persekitaran luar yang tidak menentu termasuk kejatuhan harga minyak mentah dunia, volatiliti pasaran kewangan, penyusutan nilai Ringgit serta kelembapan ekonomi serantau.

Katanya, dalam tempoh separuh pertama 2015, ekonomi negara mencatatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar 5.3 peratus disokong pengukuhan permintaan domestik terutamanya perbelanjaan sektor swasta.

Dari sudut penawaran pula, Najib berkata pertumbuhan disokong oleh perkembangan menyeluruh semua sektor ekonomi.

"Kerajaan sudah melaksanakan perubahan struktur bagi meningkatkan daya tahan ekonomi negara dengan menerokai pasaran baharu; meningkatkan peralihan kepada aktiviti nilai tambah tinggi; meliberalisasikan sektor perkhidmatan; meningkatkan produktiviti, kreativiti serta inovasi dan merancakkan permintaan dalam negeri untuk mengurangkan kesan kelembapan permintaan luar," katanya.

Najib berkata, dalam usaha memacu perkembangan ekonomi, perhatian turut diberi untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan awam supaya memudahkan sektor swasta bagi memacu pertumbuhan ekonomi serta memperkuuh penglibatan usahawan termasuk perusahaan kecil dan sederhana dalam kegiatan ekonomi.

Kerajaan juga katanya, sudah mengumumkan beberapa langkah proaktif berikutan kebimbangan terhadap cabaran luar, sekali gus membuktikan komitmen kerajaan bagi memastikan ekonomi negara sentiasa berada dalam keadaan stabil dan mampu bertindak balas segera sekiranya berlaku perkara luar jangka.

20. 1MDB beri perhatian serius kepada pandangan Raja-Raja Melayu - Arul Kanda

KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Berhad (1MDB) menyatakan syarikat itu memberi perhatian serius kepada pandangan semua pihak, terutama Raja-Raja Melayu, berhubung kontroversi yang menyelubungi syarikat milik negara itu.

Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1MDB, Arul Kanda Kandasamy, berkata syarikat itu juga menghormati pandangan rakyat, kerajaan dan pembangkang dalam isu yang mempunyai kaitan dengan syarikat berkenaan.

"1MDB kini memberi tumpuan kepada pelan rasionalisasi yang diumumkan pada Jun lepas, untuk mengurangkan hutang syarikat berjumlah RM42 bilion," katanya dalam program khas 'Bernama TV with Arul Kanda' menerusi Astro 502, HyppTV 410 dan www.bernama.com yang akan disiarkan pada 10 malam ini.

Program itu dihoskan bersama penerbit Bernama TV Suriati Sanusi dan Timbalan Ketua Pengarang Bernama (Perkhidmatan Berita ekonomi) Mikhail Raj Abdullah.

Pada 6 Oktober lepas, Raja-Raja Melayu menerusi satu kenyataan mahu supaya siasatan berkaitan 1MDB diselesaikan secepat mungkin dan "tindakan tegas yang sewajarnya" diambil terhadap pihak-pihak yang terlibat.

Baginda sekalian menegaskan semua pihak bertanggungjawab untuk memberi kerjasama yang sebenar dan jujur agar usaha serta maksud siasatan itu berjaya.

Memperjelaskan lebih lanjut tentang pelan rasionalisasi itu, Arul Kanda berkata ia terdiri daripada tiga bahagian utama.

Bahagian pertama membabitkan penjualan ekuiti dalam syarikat tenaga Edra Global Energy Bhd untuk mengurangkan hutang 1MDB antara RM16 bilion dan RM18 bilion.

Bahagian kedua adalah pertukaran hutang dengan ekuiti dengan dana pelaburan kerajaan Abu Dhabi, International Petroleum Investment Company (IPIC), yang akan mengurangkan hutang 1MDB sebanyak kira-kira RM16 bilion.

Bahagian ketiga adalah penjualan ekuiti 1MDB dalam Bandar Malaysia bernilai kira-kira RM11 bilion.

Mengenai dakwaan sesetengah pihak, termasuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkaitan ketidakaturan kewangan, Arul Kanda berkata:

"Kita perlu menegaskan pendirian berdasarkan fakta. Kita tidak boleh bergantung kepada dengar cakap, dakwaan dan kenyataan lain tanpa disokong keterangan serta bukti sewajarnya."

Arul Kanda turut menolak dakwaan bahawa hartawan Jho Low mempunyai kaitan dengan 1MDB, dan berkata ahli perniagaan itu tidak pernah dibayar atau diambil bekerja oleh syarikat berkenaan.

"Sudah menjadi pengetahuan umum bahawa Jho Low adalah penasihat kepada TIA (Lembaga Pelaburan Terengganu), sebelum saham dipindahkan kepada kerajaan Malaysia dan namanya ditukar kepada 1MDB. Beliau sebenarnya meletak jawatan pada pertengahan Mei 2009 sebelum saham TIA dibeli kerajaan," katanya.

Ditanya sama ada kontroversi tentang wang yang dimasukkan ke dalam akaun Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mempunyai kaitan dengan 1MDB, Arul Kanda berkata:

"Sudah tentu tidak. Hakikatnya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia menyatakan secara terbuka bahawa wang itu tidak dikeluarkan daripada 1MDB dan dimasukkan ke dalam akaun perdana menteri."

Mengenai dakwaan bahawa masalah kewangan 1MDB memberi lebih tekanan ke atas ringgit, Arul Kanda berkata berdasarkan ketidaktentuan nilai ringgit bulan lepas, tiada hubung kait antara masalah kewangan 1MDB dan penyusutan nilai ringgit.

"Ringgit dipengaruhi oleh kejatuhan harga minyak, misalnya. Selain itu, kebimbangan bagi pasaran memuncul seperti juga beberapa mata wang lain yang mempunyai kaitan dengan harga komoditi, pasaran memuncul, dan penurunan nilai di China.

"Itu bukanlah untuk menyatakan 1MDB mempunyai kesan sifar. Mungkin terdapat beberapa kesan disebabkan ketidaktentuan, berikutan sedikit ketidakstabilan politik di negara ini yang mempengaruhi mata wang. Ada pelbagai faktor. Untuk menyatakan ia disebabkan sebuah syarikat, saya rasa ia agak keterlaluan," katanya.

Beliau menolak dakwaan bahawa 1MDB gagal dua kali dalam membayar balik hutangnya, dan berkata syarikat itu memberi sepenuh komitmen kepada tanggungjawabnya untuk membayar balik hutang RM42 bilion.

"1MDB tidak pernah gagal dalam membayar balik mana-mana hutangnya. 1MDB sentiasa menepati jadual pembayaran," katanya.



Khamis, 29 Oktober 2015

21. Perdagangan Malaysia-OIC dijangka meningkat - Mustapa

KUALA LUMPUR: Perdagangan dua hala antara Malaysia dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dijangka meningkat 19 peratus menjelang akhir tahun ini dan 25 peratus tahun depan, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

"Hari ini, penguasaan negara-negara OIC dalam perdagangan barang global masih rendah.

"Kerana ini jugalah Malaysia memeterai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dua hala dengan Turki dan Pakistan bagi merangsang perdagangan dua hala dalam kalangan negara Islam," katanya selepas melancarkan Forum Perdagangan dan Ekonomi OIC-Asia 2015, di sini hari ini.

Mustapa berkata, negara-negara Islam memiliki peluang yang banyak untuk ditawarkan kepada dunia, merangkumi pengetahuan, sumber dan juga kebudayaan serta produk.

"Kini dunia Islam ada peluang besar dalam ekonomi halal, meliputi perdagangan dan pelaburan dalam barang dan perkhidmatan halal.

"Justeru, peluang ini tidak harus dilepaskan oleh negara-negara OIC memandangkan banyak negara bukan Islam kini meraih keuntungan daripada industri ini," katanya.

Katanya, negara Islam juga mempunyai ruang yang banyak untuk menambah baik barang dan perkhidmatan bagi membolehkan mereka berkembang ke pasaran baharu.

"Kami juga menggesa lebih banyak syarikat Islam dari negara-negara OIC datang dan menubuhkan perniagaan di Malaysia," katanya.

Sebelum ini, dilaporkan bagi tempoh Januari dan Mei tahun ini, jumlah perdagangan Malaysia dengan negara OIC bernilai AS\$15.55 bilion, jatuh 19.7 peratus daripada AS\$19.37 bilion bagi tempoh sama pada 2014.

Jumlah eksport keseluruhan ke negara-negara OIC bagi lima bulan pertama 2015 bernilai AS\$8.20 bilion, jatuh 20.5 peratus daripada AS\$10.33 bilion bagi tempoh sama tahun lepas.